

UPSI sokong syor pisah KPT, KPM

Institusi pengajian tinggi sangat rumit, perlu ditadbir satu kementerian

Oleh Ihsan Noorzali
bhnews@bh.com.my

Tanjung Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) menyokong cadangan pemisahan antara Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

Naib Canselornya, Prof Datuk Dr Mohammad Shatar Sabran, berkata institusi pengajian tinggi pada masa ini sangat rumit dan

semakin mencabar yang memerlukan ia ditadbir oleh satu kementerian khusus.

“Kita sedar bahawa kompleksiti institusi pengajian tinggi semakin mencabar yang memungkinkan satu kementerian khas yang mengambil kira atau bertanggungjawab untuk memastikan kemajuan dan kecemerlangan universiti awam dan swasta selaras dengan hasrat negara menjadikan Malaysia sebagai hub pendidikan dunia pada masa akan datang,” katanya dalam satu kenyataan di sini, semalam.

Sambil mengucapkan tahniah kepada Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, yang memangku jawatan Menteri Pendidikan, beliau berkata, UPSI percaya Dr Mahathir yang berpengalaman luas akan dapat mem-

bawa sektor pendidikan ke arah lebih baik.

Beliau berkata, kesediaan Dr Mahathir untuk mengkaji mewujudkan semula Kementerian Pengajian Tinggi adalah hasrat yang murni dan UPSI sentiasa memberi sokongan padu terhadap cadangan dan idea berkenaan.

“Dengan adanya kementerian khas (Kementerian Pengajian Tinggi), universiti awam dan swasta boleh memberi tumpuan khas bersama menteri yang bertanggungjawab.

“Oleh itu, hasrat membawa lebih ramai pelajar antarabangsa, sekali gus menyuntik dana kepada universiti awam dan swasta menjadi realistik bagi menjana kewangan menerusi yuran pengajian untuk pelajar luar negara,” katanya.



Dengan adanya kementerian khas (Kementerian Pengajian Tinggi) ini, universiti awam dan swasta boleh memberi tumpuan khas bersama menteri yang bertanggungjawab.

**Mohammad Shatar Sabran,
Naib Canselor UPSI**